

**THE APPLICATION OF SADD AL-ZARAI'E IN THE PRONOUNCING LAW
OF ORAL TALAK TA'LIQ: AN ANALYSIS SELECTED CASES
IN THE IPOH SYARIAH COURT**

**APLIKASI SADD AL-ZARAI'E DALAM HUKUM PENGUCAPAN LAFAZ
TALAK TA'LIQ LISAN: ANALISA TERHADAP KES TERPILIH
DI MAHKAMAH SYARIAH IPOH**

Liana Ab Latifⁱ Nur Faezah Hadiminⁱⁱ & Muhammad Arif Mohd Azhariⁱⁱⁱ

- ⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah, Universiti Selangor. lianaablatif@unisel.edu.my
ⁱⁱ 4223003011, Pelajar Ijazah Sarjana Muda, Universiti Selangor.
ⁱⁱⁱ 4222007811, Pelajar Ijazah Sarjana Muda, Universiti Selangor.

Received: 6 June 2025

Article Progress
Revised: 1 July 2025

Accepted: 12 July 2025

Abstract	<p><i>The concept of Sadd al-zarai'e is one of the branches of usul fiqh. It is categorized as a theory in the legal reasoning of fiqh problems. This theory is better known as the disagreeable proposition. However, this theory can be used following the guidelines set by the shari'ak. Therefore, this study aims to identify the concept and application of Sadd al-zarai'e in the science of usul fiqh. This study also examines the scenario of oral talak ta'liq pronunciation in selected cases in the Ipoh Syariah Court. This study was conducted to analyze the application of sadd al-zaraie in the judgment of 5 selected cases related to the pronunciation of verbal ta'liq that was registered in the Ipoh Syariah Court. The methodology for this study is to use a qualitative research design. Selected court cases were analyzed using document analysis methodology. The findings show that the pronunciation of oral ta'liq can be categorized into one main theme which is the attitude of the married couple and divided into 5 different issues. Among the issues are the husband hurting the wife, the husband cheating, the wife leaving the house, the wife forcing a divorce and the wife using the husband's phone without permission. Through the application of this concept of Sadd al-zarai'e, it is hoped to avoid and reduce the occurrence of verbal ta'liq divorce which harms the marriage relationship. The role of the Syariah Court, the authorities, as well as the awareness and education of the community is very important to deal with this issue and maintain the sanctity of the institution of marriage following the goals of the Sharia.</i></p> <p>Keywords: <i>Application, Sadd al-zarai'e, Pronunciation, Oral Ta'liq, Sharia Court</i></p>
Abstrak	<p><i>Konsep Sadd al-zarai'e merupakan salah satu cabang ilmu usul fiqh. Ia dikategorikan sebagai teori dalam pendalilan hukum terhadap permasalahan fiqh. Teori ini lebih dikenali sebagai dalil yang tidak disepakati. Namun begitu, teori ini boleh digunapakai selaras garis panduan yang ditetapkan oleh syarak. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti konsep dan aplikasi Sadd al-zarai'e dalam ilmu usul fiqh. Kajian ini juga untuk mengkaji senario pengucapan lafaz talak ta'liq lisan dalam kes terpilih di Mahkamah Syariah Ipoh. Kajian ini dijalankan bagi menganalisa aplikasi sadd al-zaraie dalam</i></p>

	<p><i>penghakiman 5 kes terpilih berkaitan pengucapan lafaz talak ta'liq lisan yang didaftarkan di Mahkamah Syariah Ipoh. Metodologi bagi kajian ini adalah menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Kes-kes mahkamah yang terpilih dianalisis menggunakan metodologi analisis dokumen. Hasil dapatan menunjukkan pengucapan lafaz ta'liq lisan dapat dikategorikan kepada satu tema utama iaitu sikap pasangan suami isteri dan dibahagikan kepada 5 isu berbeza. Antara isu tersebut adalah suami menyakiti isteri, suami curang, isteri keluar rumah, isteri memaksa untuk bercerai secara fasakh dan juga isteri menggunakan telefon suami tanpa kebenaran. Melalui aplikasi konsep Sadd al-zarai'e ini, diharap dapat mengelakkan dan mengurangkan berlakunya perceraian ta'liq lisan yang memberi impak negatif terhadap hubungan perkahwinan. Peranan Mahkamah Syariah, pihak berkuasa, serta kesedaran dan pendidikan masyarakat amat penting untuk menangani isu ini dan menjaga kesucian institusi perkahwinan selaras dengan matlamat syarak.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Aplikasi, Sadd al-zarai'e, Pengucapan Lafaz, Ta'liq Lisan, Mahkamah Syariah</i></p>
--	--

PENDAHULUAN

Dalil Sadd al-zarai'e adalah prinsip dalam syarak yang menetapkan bahawa jika sesuatu perbuatan itu boleh membawa kepada munculnya perbuatan yang haram atau terlarang, maka perbuatan itu juga menjadi haram dan dilarang. Prinsip ini digunakan untuk mencegah sesuatu kemudharatan dan kemusnahan baik dari sudut aspek apapun. Penerapan dalil Sadd al-zarai'e dalam konteks ini bermaksud mencegah perceraian secara ta'liq lisan yang berlaku secara tidak sah. Perceraian ini juga dinyatakan di dalam undang-undang keluarga Islam yang menetapkan ia sebagai perceraian luar mahkamah atau tanpa kebenaran mahkamah disebabkan pelbagai punca seperti perselisihan faham, tidak bertanggungjawab sebagai suami atau isteri, tidak berlaku jujur dengan pasangan dan juga disebabkan oleh tekanan emosi (Syafini, N., Rahman, A., Syahida, N., & Rahman, B. A., 2020). Dalam konteks perundangan Islam, adalah penting untuk Mahkamah Syariah dan pihak berkuasa bertanggungjawab memastikan keadilan, perlindungan dan kebenaran dalam penyelesaian kes-kes lafaz talak ta'liq lisan (Ab Latif, L., & Saidon, R., 2021; Ab Latif, L. 2020).

DEFINISI

Takrifan Sadd al-Zaraie' berbeza antara ulama, dan terdapat beberapa pandangan yang berbeza dalam mentakrifkannya. Beberapa definisi yang dikemukakan oleh ulama ialah Al-Qurtubi (2006) berkata bahawa Sadd al-zarai'e adalah perkara yang tidak terhalang daripada melakukannya pada asalnya, tetapi jika ia mengandungi unsur-unsur yang boleh membawa kepada kerosakan, maka ia menjadi terhalang. Al-Syatibi (2006) menyatakan bahawa Sadd al-zarai'e menggunakan jalan masalah (kebaikan) sebagai jalan untuk mendatangkan mafsadah (kerosakan). Ini bermakna mencegah sesuatu yang pada asalnya boleh membawa kepada kebaikan, tetapi dalam konteks tertentu akan menyebabkan kemudharatan atau kerugian (Ahmad et al., 2022).

Sadd al-zarai'e pada bahasa adalah membawa maksud menutup pintu yang boleh membawa kepada kerosakan. Manakala pada sudut istilahnya ialah mencegah terhadap sesuatu perkara yang boleh membawa kepada kerosakan dan bahaya. Contohnya, melihat kemaluan selain isterinya adalah haram. Ia perlu dicegah kerana tindakan ini membuka jalan ke arah maksiat. Ia juga membawa maksud menghalang perkara harus yang boleh membawa kepada perkara haram (Muda, A.L. & Ali, R., 2012). Maka pengertian Sadd al-zarai'e dalam konsep dalil pensyariatan menghalang atau menyekat jalan yang membawa kepada kebinasaan. Tindakan yang membawa kepada kerosakan sama ada menyalahi undang-undang dari segi bahan atau mesti. Adapun perbuatan yang haram dari segi zat, ia tidak menjadi perselisihan di kalangan ulama dari sudut dicegah daripada melakukannya (Ahmad et al., 2022).

Sadd al-zarai'e juga ditafsirkan sebagai sesuatu yang pada asalnya tidak dicegah, tetapi menjadi terhalang jika ada tohmah (unsur yang membawa kepada kerosakan dan keburukan). Al-Qarafi (1998): Menegaskan bahawa Sadd al-zarai'e adalah langkah berjaga-jaga yang mesti diambil terhadap al-Zarai' yang membawa kepada kemusnahan. Namun jika Sadd al-zarai'e menggalakkan kebaikan, maka dia digelar Fath al-Zarai'e yang mesti diberi peluang. Perlu diingat bahawa kefahaman al-Zarai' dan aplikasinya dalam syariat Islam adalah berdasarkan ijtihad (cubaan mentafsir hukum) oleh ulama dan ulama Islam berdasarkan prinsip syariah. Kehadiran pelbagai pendapat ini menunjukkan kekayaan dan kerumitan fiqh Islam serta usaha mencari jalan terbaik untuk mencapai matlamat syariah yang mulia (Ahmad et al., 2022; Arafah, I., 2020; Al-Qarafi, A., 1998; Misranetti, M., 2017).

JENIS-JENIS SADD AL-ZARAI'E

Jenis-jenis Sadd al-zarai'e dapat dibahagikan kepada empat jenis iaitu pertama pasti membawa mudarat. Perkara ini dapat dilihat pada pengharaman minum arak. Perbuatan tersebut dilarang kerana boleh menyebabkan hilang kewarasan akal dan kehidupan kurang teratur yang boleh memberi sebab suami melafazkan ta'liq lisan. Antara perkara yang diharamkan oleh syarak adalah zina. Ia dilarang kerana menyebabkan pertalian darah bercampur dan menggugat institusi kekeluargaan. Bahkan Allah juga tidak membuat ketetapan diharuskan sesuatu yang mungkin membawa kepada kejahatan seperti menimbulkan konflik antara pasangan suami isteri (Ahmad et al., 2022; Syafini, N., et al., 2020; Arafah, I., 2020; Muda, A. L. & Ali, R., 2012; Al-Nadwi, 1998).

Kedua pula adalah dugaan yang kuat membawa mudarat. Sebagai contohnya suami tidak menjaga batas pergaulan di tempat kerja. Selain itu, adalah nikah tahlil. Iaitu seseorang yang menggunakan akad nikah dengan tujuan menghalalkan suami kembali kepada isteri yang telah diceraikan dengan talak tiga (Ahmad, et al., 2022; Arafah, I., 2020; Muda, A.L. & Ali, R., 2012; Al-Nadwi, 1998).

Ketiga pula ialah jarang membawa mudarat. Sebagai contohnya suami mengadakan perbincangan bersama rakan sekerja atas urusan perniagaan. Manakala sesuatu yang pasti membawa kepada kejahatan adalah seperti pihak ketiga yang menimbulkan kekeruhan hubungan antara suami isteri (Ahmad, et al., 2022; Muda, A.L. & Ali, R., 2012; Al-Nadwi, 1998).

Keempat pula ialah banyak yang membawa mudarat akan tetapi tidak sampai ke peringkat kebiasaan (ghalib). Sebagai contohnya, suami menangguk bayaran mas kahwin terhadap isterinya. Menurut ulama mazhab Maliki, hukumnya haram menangguk pembayaran mahar walaupun ada tempoh kelewatan yang jelas dan pasti, seperti setahun atau 6 bulan. Mereka menghukum makruh, adakah dia bimbang akan berlakunya perkahwinan tanpa mahar yang diwajibkan kepada isteri. Sesuatu yang berpotensi membawa kepada keburukan seperti menjual barang secara perlahan-lahan kerana boleh menggalakkan riba (Ahmad, et al., 2022; Arafah, I., 2020; Misranetti, M., 2017; Muda, A.L. & Ali, R., 2012).

SYARAT-SYARAT SADD AL-ZARAI'E

Ulama menggariskan panduan yang menjadi syarat untuk mengenali juga menentukan sesuatu itu sebagai Sadd al-zarai'e. Pertama perbuatan tersebut adalah perbuatan yang dibenarkan pada asalnya, tetapi boleh membawa kepada kerosakan, seperti suami menyalahgunakan kuasa lafaz cerai. Ia perlu dicegah atau ditutup agar tidak membuka ruang bagi suami untuk melafazkan cerai tanpa sebab munasabah yang akan memberi implikasi di masa akan datang. Kedua pula adalah kerosakan daripada perbuatan tersebut lebih jelas berbanding kemaslahatan (kebaikan), contohnya suami berhubung dengan perempuan yang sudah jelas menunjukkan tanda-tanda ingin merosakkan hubungan bersama isterinya. Ketiga pula ialah kebarangkalian kerosakan daripada perbuatan sama tahap dengan kebaikan. Dimana membendung kerosakan lebih diutamakan. Sebagai contohnya isteri meminta izin untuk pergi ke kursus namun suami tidak membenarkan atas sebab tiada batas pergaulan sosial (Misranetti, M., 2017; Ab. Latif & Rosmawati, 2012).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Reka bentuk ini dipilih bagi mendapatkan maklumat dan dapatan melalui kajian terhadap buku-buku yang berkaitan dengan dalil usul sadd al-zaraie dan juga talak ta'liq tidak rasmi. Dapatan kajian kes-kes mahkamah yang terpilih diperoleh daripada institut kehakiman syariah negeri Perak melalui ketua pendaftar mahkamah tinggi syariah Ipoh. Instrumen data kajian dianalisis secara tematik dengan melihat kepada hasil yang menjawab objektif kajian ini.

DAPATAN ANALISIS

Dapatan analisis dapat dilihat melalui jadual di bawah yang menunjukkan 5 kes terpilih melibatkan pengucapan lafaz talak ta'liq lisan di Mahkamah Syariah Ipoh. Pada semakan dan penilaian, pengkaji mendapati bahawa 5 kes ini adalah melibatkan 5 isu dan punca yang berbeza.

BIL	NO KES	ISU	STATUS
KES 1	08002-054-0292-2021	Suami menyakiti isteri	Suami langgar
KES 2	08002-054-0020-2021	Suami curang	Suami langgar
KES 3	08002-054-0051-2021	Anak-anak	Suami nafi lafaz
KES 4	08002-054-0030-2021	Isteri keluar rumah	Isteri langgar
KES 5	08002-054-0379-2021	Suami curang	Suami sumpah nafi

Jika dilihat pada penelitian dan penganalisaan kes 1 (08002-054-0292-2021), kes ini berpunca ekoran suami sering memukul isteri dan beliau melafazkan ta'liq untuk memujuk isterinya. Selain itu juga, punca pengucapan lafaz ta'liq kerana pasangan ini sering bergaduh. Suami kadangkala mengamuk kerana isteri tidak memasak. Manakala isteri menyatakan dia tidak memasak kerana suami tidak memberi wang perbelanjaan rumah sebagaimana sepatutnya. Suami ingin memujuk isterinya sekaligus menyesali atas perbuatannya. Pihak suami mengakui pernah mengucapkan lafaz ta'liq pada tarikh tersebut. Beliau juga memberi keterangan dan mengakui telah melanggar lafaz ta'liq. Pasangan tersebut sah bercerai ta'liq dengan talak 1. Kesimpulannya, pasangan tersebut tidak sehaluan dan masing-masing mengabaikan tanggungjawab keluarga. Oleh itu, perpisahan atau talak merupakan penyelesaian terbaik untuk mereka berdua, selaras firman Allah:

﴿ وَإِنْ عَزَمُوا الطَّلَاقَ فَإِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴾

Maksudnya, "Dan jika mereka berazam hendak menjatuhkan talak (menceraikan isteri), maka sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui" (al-Quran. Al-Baqarah: 227).

Merujuk kepada kes 2 (08002-054-0020-2021) pula, kes ini menunjukkan bahawa terdapat perselisihan faham antara suami dan isteri. Isteri tidak berpuashati dengan tindakan suaminya mempunyai wanita simpanan. Suami melafazkan ta'liq untuk meyakinkan isterinya bahawa beliau tidak mahu berlaku curang, namun kemudiannya suami melanggar lafaz ta'liq tersebut. Akhirnya, mereka disahkan bercerai oleh mahkamah berdasarkan keterangan tersebut. Hal itu juga selaras ketetapan syarak bahawa ta'liq yang sempurna syaratnya akan terlaksana talak ta'liq.

Merujuk kes 3 pula (08002-054-0051-2021), kes ini menunjukkan terdapat perselisihan faham serta pergaduhan yang berterusan dan berpanjangan antara pasangan suami isteri. Pada peringkat awal, pergaduhan berlaku ekoran suami tidak berpuashati dengan sikap anak-anak, namun terpalit pada isteri. Suami didakwa melafazkan ta'liq-ta'liq tersebut, namun beliau menafikannya berniat talak menerusi sumpah. Justeru, mahkamah

menetapkan keputusan pasangan ini masih sah sebagai suami isteri berasaskan sumpah dan nafi suami berniat talak. Hal ini selaras lafaz kaedah fiqh: {اليمين على نية المستخلف} Maksud: Sumpah (diambilkira) berdasarkan niat orang yang bersumpah (Ibn Nujaym, 1999).

Merujuk kes 4 pula (08002-054-0030-2021), kes ini menunjukkan suami memarahi dan meminta isteri pulang ke rumah, namun isteri enggan. Suami mengugut dengan cara melafazkan ta'liq. Akhirnya, mereka disahkan bercerai oleh mahkamah. Mahkamah memutuskan lafaz ta'liq sempurna dan suami isteri sah bercerai.

Merujuk kes 5 (08002-054-0379-2021) pula, kes ini menunjukkan bahawa suami dan isteri berselisih faham kerana isteri mengesyaki suaminya berlaku curang. Bukti didapati melalui senarai panggilan dan video di aplikasi whatsapp nombor perempuan yang tidak dikenali oleh isteri. Suami telah mengucapkan lafaz ta'liq sebanyak tiga kali, namun suami membuat penafian terhadap lafaz tersebut. Suami sanggup bersumpah dan tahu kesan sumpah. Oleh itu, pihak mahkamah memutuskan bersandarkan sumpah nafi suami. Keputusannya ialah dakwaan 1 sah lafaz ta'liq, tetapi tidak gugur talaq. Dakwaan 2 pula adalah sah lafaz ta'liq dan tidak menggugurkan talak. Dakwaan 3 pula lafaz kinayah, mahkamah bersandarkan kepada sumpah nafi dan tidak menggugurkan talak.

PERBINCANGAN ANALISIS

Hasil penelitian pengkaji mendapati implikasi isu pengucapan lafaz talak ta'liq lisan memberi implikasi yang negatif dan buruk terhadap hubungan pasangan suami isteri. Antaranya ialah hak seorang isteri terabai, emosi dan fizikal tercedera, seorang suami dalam tekanan emosi dan juga kepincangan rumah tangga akibat konflik yang berlaku antara suami isteri. Apabila tiada wujud persefahaman, perbincangan dan sikap tolak ansur antara pasangan suami isteri maka berlakulah pergaduhan, perbalahan dan pertelingkahan. Hubungan pasangan juga menjadi semakin hambar dan tidak harmoni yang membawa kepada perceraian. Isteri juga mengambil keputusan untuk bebas dan suami pula lebih menjaga hubungan bersama wanita lain berbanding isterinya. Isu-isu seperti ini seharusnya dilihat serius seiring dengan teori Sadd al-zarai'e dalam hukum syarak iaitu mencegah perkara yang merosakkan dan perkara-perkara yang lebih memburukkan keadaan krisis rumah tangga (Muhammad Hashim, N., & Mohd Kusrin, Z., 2023; Ab Latif, L., & Saidon, R., 2021; Syafini, N., et al., 2020).

PENUTUP

Sadd al-zarai'e merupakan salah satu kaedah yang dibincangkan sebagai sumber dalam penetapan bagi sesuatu hukum yang tidak dinyatakan secara jelas di dalam al-Quran atau hadis. Dalam menetapkan Sadd al-zarai'e sebagai sumber hukum, ulama telah berselisih pendapat sama ada kaedah ini diterima sebagai sumber hukum atau tidak. Antara ulama yang menerima Sadd al-zarai'e sebagai sumber hukum adalah ulama dari mazhab Maliki dan Hanbali, manakala ulama yang tidak menerima Sadd al-zarai'e dari mazhab Syafie dan Zahiri. Setiap pandangan yang dikemukakan oleh para ulama dalam menetapkan Sadd al-zarai'e sebagai sumber hukum atau tidak adalah berdasarkan alasan serta kehujahan yang tersendiri. Maka, Sadd al-zarai'e adalah kaedah yang diterima oleh majoriti ulama dalam menetapkan hukum Islam yang bertujuan untuk mengelakkan keburukan (mafsadah) atau kemudaratan daripada berlaku. Kajian ini bermatlamatkan pencegahan pasangan suami isteri dan agar tidak terjerumus kepada tindakan yang mendatangkan kesan negatif dari sudut syariat Islam. berhubung isu melafazkan talak ta'liq secara lisan adalah untuk mencegah perbuatan yang boleh mendatangkan kesan buruk atau timbulnya tindakan yang menyalahi undang-undang termasuk kes perceraian luar mahkamah.

RUJUKAN

Buku

Al-Qur'an

- 'Ilal al-Fasi. (1993). *Maqasid al-Syari'ah al-Islamiyyah (154-155)*. Maktabah al-Wihdah al-'Arabiyyah.
- Al-Nadwi, A. (1998). *al-Qawaid al-Fiqhiyah, cetakan 4, (287 – 290)*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Al-Qarafi, A. (1998). *al-Furuq, (j.2, h. 42)*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Qurtubi, M. (2006). *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an (juz. 2, h. 57-58)*. Kaherah: al-Hai'ah al-Misriyyah al-'Ammah li al-Kitab.
- Al-Syatibi, I. (2006). *al-Muwafaqat fi Usul al-Syari'ah (j. 4, h. 144)*. Muhammad 'AbdAllah Darraz dan 'Abd al-Salam Syafi Muhammad (ed). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Zuhaili, M. (2006). *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh al-Islamiy, (Juz 1, h. 279-281)*. Damsyiq: Dar Kheir.
- Al-Zuhaili, W. (1999). *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh, h. 108-112*. Damsyiq: Dar Fikr.
- Muda, A.L. & Ali, R. (2012). *Pengantar Usul Fiqh, (cetakan 2, h. 129)*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Jurnal

- Ab Latif, L., & Saidon, R. (2021). Kedudukan Lafaz Cerai Ta'liq Lisan Menurut Perspektif Fiqh Dan Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(2), 267–279.
- Arafah, I. (2020). Pendekatan Sadd Adz-Dzari'ah Dalam Studi Islam. *Al-Muamalat: Jurnal Hukum dan Ekonomi Syariah*, 5(1), 68-86.
- Misranetti, M. (2017). Sadd Al-Dzari'ah Sebagai Suatu Hukum Metode Istinbat Hukum Islam. *Jurnal An-Nahl*, 7(1), 51-75.
- Muhammad Hashim, N., & Mohd Kusrin, Z. (2023). Wife's Maintenance In Marriage: Reviews Of The Opinions Of The Previous Jurists : Nafkah Isteri Dalam Perkahwinan: Sorotan Pandangan Fuqaha Terdahulu. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 31(2), 45–53.

Prosiding

- Ab Latif, L., (2020). *Konsep Lafaz Cerai Ta'liq: Suatu Kajian Perbandingan Menurut Perspektif Hadith dan Mazhab Fiqh*. International Conference And Mukhtar On Prophetic Sunnah (ICMAS 2020), 178 – 188.
- Ahmad, M., Talib, H., Abd. Rahman, N.S., Niteh, M. Y. & Abdul Halim, A., (2022). *Pengamalan Konsep Sadd Al-Zari'ah Di Selangor: Satu Analisa Terhadap Sop Solat Jumaat Ketika Pandemik*. 6th Muzakarah Fiqh & International Conference 2022 (6th MFIFC 2022) 13th & 14th December 2022, 446 – 456.
- Syafini, N., Rahman, A., Syahida, N., & Rahman, B. A. (2020). Keruntuhan rumah tangga: punca dan solusinya. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan Ke 5*, 1137–1147.

Kes

- 08002-054-0020-2021
08002-054-0030-2021
08002-054-0051-2021
08002-054-0292-2021
08002-054-0379-2021

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.